



Contribution of Animals and Plants in Prospering Lives According to Al-Quran

Sumbangan Haiwan Dan Tumbuh-Tumbuhan Dalam Mensejahterakan Kehidupan Menurut Al-Quran

Mikdar Rusdi^{1,*}, Mohd Azmi Omar²

^{1,2}Fakulti Usuluddin,

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, BRUNEI DARUSSALAM

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jst.2018.11.01.005>

Received 00 Month 2000; Accepted 01 Month 2000; Available online 30 June 2019

Abstract: Human beings and other living beings are never separated from their dependence on animals and plants; without both, there will be no life on earth. Animals and plants benefit the well-being of human lives. On the other hand, animals and plants are created by Allah s.w.t. to safeguard the continuity of the environment, these two types of beings play an important role in the continuation of the earth's ecosystem. The objective of this study to discover the contribution of animals and plants that are enshrined in the al Qur'an as guided by the maudhu'iy method of interpretation. The findings show that the al Qur'an as a holy book for all mankind certainly does not disregard in paying attention to animals and plants by giving names on some of the surahs of the Qur'an such as surah al-Baqarah, al-Fil, al-Tin, al-An'am, al-Naml, al-Nahl, and al-Ankabut. This study has made it clear that everything related to animals and plants in the al Qur'an can provide values that should be appreciated by human beings.

Keywords: al-Quran, animals, plants, environment

Abstrak: Manusia dan makhluk hidup tidak pernah lepas dari ketergantungan mereka terhadap haiwan dan tumbuh-tumbuhan, tanpa keduanya tidak akan terjadi kehidupan di bumi. Haiwan dan tumbuh-tumbuhan memberi manfaat bagi kesejahteraan hidup manusia. Di sisi lain, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dicipta oleh Allah s.w.t. untuk menjaga kelangsungan alam sekitar, kedua jenis makhluk ini memainkan peranan penting dalam kelanjutan ekosistem bumi. Objektif kajian ini untuk merungkai sumbangan haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang termaktub dalam al Quran dengan berpandukan metod kajian tafsir maudhu'iy. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al Quran sebagai kitab suci untuk seluruh umat manusia tentunya tidak ketinggalan dalam memberi perhatian terhadap haiwan dan tumbuh-tumbuhan dengan memberi nama pada sebahagian surah-surah al Quran seperti surah al-Baqarah, al-Fil, al-Tin, al-An'am, al-Naml, al-Nahl dan al-Ankabut. Kajian ini dapat menyedarkan bahawa segala yang berkaitan dengan haiwan dan tumbuh-tumbuhan dalam al Quran dapat memberi nilai yang perlu dihargai oleh manusia.

Kata Kunci: al-Quran, haiwan, tumbuh-tumbuhan, persekitaran



1. Pendahuluan

Suatu keistimewaan yang perlu disyukuri oleh umat Manusia adalah dijadikannya sebagai khalifah oleh Allah s.w.t. di muka bumi ini, sudah tentu hal ini merupakan pemberian tanggungjawab yang besar bagi mengatur segala bentuk kehidupan ini bermula dari makhluk yang paling kecil dan halus kepada makhluk yang paling besar termasuk dirinya sendiri. Amanah ini dijelaskan dalam agama Islam untuk dijadikan panduan kehidupan agar beroleh kehidupan yang aman dan damai sesama makhluk ciptaan Allah s.w.t. sejalan dengan tuntunan agama.

Tanggungjawab Manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. adalah untuk mengatur alam, termasuklah haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang ada di alam ini, dimana Allah SWT telah menundukkan semua itu kepada manusia. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dia lah (Allah s.w.t.) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Al-Baqarah 2:29)

2. Penyebutan Haiwan Dalam al-Quran

Haiwan dan tumbuh-tumbuhan dalam al Al Quran disebut sebagai elemen penting dalam beberapa surah bahkan dijadikan sebagai bahagian dari beberapa mukjizat para anbiya seperti Nabi Musa a.s. dengan ular, Nabi Sulaiman a.s. dengan semut dan burung dan Nabi Saleh a.s. dengan unta. Al Quran telah menyentuh beberapa ayat berkaitan dengan haiwan lebih dari 140 ayat bahkan terdapat surah-surah tertentu yang namanya disebut dengan nama haiwan seperti: surah al-Baqarah, al-An'am, al-Nahl, al-Naml, al-Ankabut, al-Adiyat, al-Fil begitu juga terdapat surah yang dinamakan dengan nama buah-buahan seperti surah al-Tin.

Perkataan haiwan dalam al Quran disebut dengan lafaz الدواب sebanyak 4 kali, dengan nama دابة 14 kali, sebagaimana lafaz الحيوان yang bermaksud hidup sebanyak 1 kali, nama haiwan juga disebutkan dalam bentuk kumpulan dengan lafaz النعم sebanyak 1 kali, الأنعام sebanyak 26 kali, أنواعا dua kali, أنواعكم tiga kali dan أنواعهم sebanyak satu kali, maka keseluruhannya berjumlah 33 kali. (Zaglul Raghieb Muhammad Al-Najjar, 2006)

Secara umum, Allah s.w.t. meyebut penciptaan haiwan, ciri-ciri dan bentuknya di dalam al-Quran dengan firmannya yang bermaksud:

“Dan Allah s.w.t. telah menciptakan semua jenis hewan dari air, maka sebagian dari hewan itu ada yang berjalan di atas perutnya dan sebagian berjalan dengan dua kaki, sedang sebagian (yang lain) berjalan dengan empat kaki. Allah s.w.t. menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Kuasa atas segala sesuatu” (Al-Nur 24:45)

Antara bentuk perhatian al-Quran terhadap haiwan dan tumbuh-tumbuhan menurut Mikdar Rusdi (2010) adalah :

- Pemberian sebahagian nama surah dengan nama haiwan dan tumbuh-tumbuhan seperti surah al-Baqarah, al-Naml, al-An'am, al-Fil, Al-Ankabut dan Al-Adiyat.
- Pembahagian komponen utama fauna kepada haiwan darat, laut dan udara seperti unta, kambing, lembu, ikan, burung, burung hudhud, burung salwa, ular, singa, gajah, serigala, lebah, semut, labah-labah, lalat, kutu, belalang dan anai-anai, bahkan disebutkan komponen haiwan seperti darah, daging, tulang, kulit dan juga bulu.

3. Penyebutan Tumbuh-Tumbuhan Dalam Al-Quran

Tumbuh-tumbuhan adalah makhluk Allah s.w.t yang banyak memberi manfaat kepada manusia sebagai *food supplier* dan penyambung kehidupan makhluk hidup di muka bumi. Al-Quran sebagai rujukan kehidupan sudah tentu memberi perhatian yang signifikan kepada tumbuh-tumbuhan. Perhatian ini terserlah melalui pemberian nama kepada salah satu nama surahnya dengan nama tumbuh-tumbuhan iaitu surah al-Tin, selain daripada itu al-Quran juga menyebut beberapa jenis nama buah-buahan menerusi ayat-ayat al Quran seperti buah anggur (عنب), kurma (النخل),

pisang (طلع), tin (التين) dan zaitun (الزيتون). Selain daripada itu al-Quran juga menyebutkan proses perkembangan tumbuh-tumbuhan dari biji benih sehinggalah menjadi tanaman yang menghasilkan buah. Penjelajarannya boleh disusun bermula dari benih kemudian akar, lalu tumbuh menjadi pokok yang kukuh kemudian tangkai, daun dan akhirnya buah kemudian manusia dapat menuai dan menikmati hasilnya.

Bahasa al-Quran dalam mengungkapkan istilah tanam-tanaman disebutkan dalam beberapa istilah seperti: الزرع dan segala bentuk asal katanya daripada تزرعون, تزرعون, زرع, زرع, زرع dan istilah tumbuh-tumbuhan dengan lafaz النبات dengan asal katanya: نبات, تنبت, نبات, أنبتنا, نباته dan terdapat juga istilah pokok dengan lafaz الشجر dan segala bentuk pecahan-pecahan kalimatnya seperti شجرة, شجرة, شجرة, شجرة.

Disiplin ilmu yang menerajui bidang tumbuh-tumbuhan mulai dari pembiakan, perkembangan dan lain-lain disebut dengan *botani*. Ilmu *Botani* merupakan salah satu bidang kajian dalam biologi yang khusus bagi mempelajari aspek tumbuh-tumbuhan. Dengan demikian, dalam botani dipelajari semua disiplin ilmu berkaitan pertumbuhan, reproduksi, metabolisme, perkembangan, interaksi dengan komponen biotik dan abiotik, serta evolusi tumbuhan.

Dalam hal ini al-Quran menyebut perihal tumbuh-tumbuhan mulai daripada benih, kemudian tumbuh dan mempunyai batang, daun, bunga dan buah. Berikut dijelaskan secara lebih terperinci berkaitan hal tersebut (Mikdar Rusdi, 2010) :

3.1 Biji atau Benih dengan lafaz (حبة, حبا, الحب, حب)

Biji dalam bahasa Latin disebut sebagai *semen* adalah bakal biji atau disebut dengan istilah ovulum dari tumbuhan berbunga yang telah masak. Dari sudut evolusi, biji merupakan embrio atau tumbuhan kecil yang berubah sehingga dapat bertahan lebih lama ketika berada pada kondisi yang kurang sesuai untuk pertumbuhan. Justeru itu biji mempunyai karakter sendiri sesuai dengan penciptaannya agar dapat tumbuh sesuai dengan alam dan habitatnya.

Di dalam al-Quran perkataan biji disebutkan dengan lafaz الحب dengan segala bentuk akar katanya حبة, حبا, الحب, حب yang disebutkan sebanyak 11 kali seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah 2:261, Al-An'am 6:59, Al-An'am 6:95, Al-An'am 6:99, Al-Anbiya' 21:47, Luqman 31: 16, Yasin 36:33, Qaf 50:9, Al-Rahman 55:12, Al-Naba' 78:15 dan Abasa 80:27.

Kesemua lafaz yang bermaksud biji benih dalam al-Quran dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Biji adalah salah satu bentuk asal mula tumbuh-tumbuhan, kemudian setelah menjadi pokok dan berbuah maka akhirnya akan mengeluarkan biji untuk proses selanjutnya.
2. Allah s.w.t. memberi perumpamaan dengan biji benih kepada individu yang membelanjakan hartanya di jalan Allah s.w.t. iaitu dengan gandaan pahala yang bermula dari satu biji kemudian bercabang tujuh tangkai lalu menghasilkan setiap satunya 100 biji. Ini adalah perumpamaan yang memberi kesan langsung kepada umat manusia dengan memberi pendekatan proses pembiakan tumbuh-tumbuhan yang intinya selagi manusia mengenal proses pembiakan tumbuh-tumbuhan maka selagi itu akan memahami secara mendalam perumpamaan yang terdapat dalam ayat tersebut.
3. Selain itu Allah s.w.t. juga memberi perumpamaan bagi orang yang melakukan sesuatu perbuatan kebaikan atau keburukan dengan nilai perbuatan yang seberat biji apa pun yang ada di bumi dan di langit Allah s.w.t. pasti akan membalasnya.
4. Tumbuh-tumbuhan secara amnya mempunyai dua bentuk cara pembiakan, ada yang membiak dengan melalui biji seperti biji kurma, delima dan lain-lain dan ada pula yang langsung tumbuh bertunas dengan siraman air tanpa didahului oleh bentuk biji seperti pokok tebu, pisang dan lain-lain.
5. Antara bukti suburinya suatu kawasan apabila biji boleh tumbuh, berkembang dan menghidupkan pada kawasan tersebut. Ini adalah salah satu proses seandainya jika Allah s.w.t. berkehendak untuk menghidupkan sesuatu negeri telah tandus.

Kemudian setelah tumbuhan itu melepasi fasa awal dalam bentuk biji maka mulailah tumbuh dengan mengeluarkan batang dan daun. Proses ini dinamakan dengan tumbuh atau dalam bahasa al-Quran disebut نبت dengan segala bentuk akar katanya yang disebutkan sebanyak 26 kali, seperti yang diceritakan dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Dan Kami turunkan dari langit air yang banyak manfaatnya lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pohon-pohon dan biji-biji tanaman yang diketam. (Qaf 50:9)

3.2 Pokok dengan lafaz (الشجر, شجرة)

Setelah tanaman itu tumbuh dan berkembang maka akan menjadi pokok yang sempurna atau شجرة dengan segala bentuk akar katanya dan ini disebut sebanyak 26 kali seperti firman Allah s.w.t. Al-Waqiah ayat 72 yang bermaksud:

Kamukah yang menumbuhkan pokok atau kayu itu atau Kamukah yang menjadikannya.

Pada ayat yang lain Al-Naml ayat 60 Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Atau siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan yang menurunkan air untukmu dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-kebun yang berpemandangan indah, yang kamu sekali-kali tidak mampu menumbuhkan pokok-pokoknya? Apakah di samping Allah s.w.t. ada tuhan (yang lain)? Bahkan (sebenarnya) mereka adalah orang-orang yang menyimpang (dari kebenaran).

Peristilahan pokok (الشجر) dalam al-Quran meliputi seluruh pokok mulai dari akar, batang, ranting, daun dan buah. Seperti firman Allah s.w.t. di atas. Namun ada ketikanya disebut pokok tetapi yang dimaksudkan adalah buahnya seperti firman Allah s.w.t. kepada Nabi Adam a.s. untuk melarang mendekati pokok di dalam syurga firman Allah s.w.t. dalam ayat 22 surah Al-Araf yang bermaksud:

Maka syaitan membujuk keduanya (untuk memakan buah itu) dengan tipu daya. Tatkala keduanya telah merasai buah kayu itu, nampaklah bagi keduanya aurat-auratnya, dan mulailah keduanya menutupinya dengan daun-daun surga. Kemudian Tuhan mereka menyeru mereka: "Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pohon kayu itu dan Aku katakan kepadamu: "Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu berdua.

Dalam ayat yang lain disebutkan pokok dengan lafaz الشجر tetapi yang dimaksudkan adalah batang atau cabang pokok. Firman Allah s.w.t. dalam surah al Nahl ayat 68 yang bermaksud:

Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: "Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit, di pohon-pohon kayu, dan di tempat-tempat yang dibikin manusia.

3.3 Bunga dan buah dengan lafaz (الثمرات dan أثمر)

Apabila pokok-pokok tanaman menjadi sempurna maka mulailah mengeluarkan bunga dan buah, dalam al-Quran disebut dengan lafaz أثمر dan الثمرات dan ini disebut sebanyak 24 kali seperti firman Allah s.w.t. dalam ayat 27 surah Al-Fatih yang bermaksud:

Tidakkah kamu melihat bahwasanya Allah s.w.t. menurunkan hujan dari langit lalu Kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara gunung-gunung itu ada garis-garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada (pula) yang hitam pekat.

3.4 Ladang dan Kebun dengan lafaz (الجنة dan الزرع)

Kemudian selepas itu tanaman yang tumbuh di kawasan yang lebat dengan berbagai jenis tumbuhan atau pada kawasan yang ditanami dengan tumbuhan yang sejenis maka disebut dengan الزرع (ladang) atau الجنة (kebun). Kebun atau ladang di sini akan mengeluarkan hasil yang akan dinikmati oleh manusia متاعا لكم ولأنعامكم ini semua adalah proses kesempurnaan hidup manusia yang dikelilingi oleh berbagai bentuk nikmat Allah s.w.t. Dalam mengungkapkan akar dan ranting disebut dengan istilah فرع dan أصل firman Allah s.w.t. ayat 24 surah Ibrahim yang bermaksud:

Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah s.w.t. telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit.

Secara keseluruhannya Allah s.w.t. memberi perumpamaan perkembangan suatu tumbuhan mulai dari peringkat awal pertumbuhannya sampai kepada satu tahap yang sempurna yang indah dipandang mata firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Muhammad itu adalah utusan Allah s.w.t. dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka, kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari karunia Allah s.w.t. dan keridhaan-Nya, tanda-tanda mereka tampak pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, yaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya karena Allah s.w.t. hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mu'min). Allah s.w.t. menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh di antara mereka ampunan dan pahala yang besar. (Al-Fath 48:29)

Secara amnya jenis tumbuh-tumbuhan yang disebutkan di dalam al-Quran terbahagi kepada 3 bahagian:

1. Buah-buahan seperti tin, zaitun, kurma, delima, dan anggur.
2. Sayur-sayuran seperti timun, bawang putih, bawang merah, gandum, kacang, kacang adas, labu, halia dan bidara.
3. Pokok-pokok, ini meliputi penyebutan tumbuh-tumbuhan secara umum mulai daripada biji, kemudian pertumbuhan biji pokok kecil yang berdaun, tumbuh dengan kukuh dan menjulang, pokok-pokok yang

berbuah, perkahwinan antar tumbuhan, penyebutan tangkai, ranting, bunga juga kepada tumbuh-tumbuhan dalam bentuk kebun-kebun yang subur dan lain-lain lagi.

Pembahagian komponen utama tumbuh-tumbuhan kepada benih, akar, batang, tangkai, daun dan buah dapat diperhatikan seperti dalam senarai istilah al-Quran berikut:

Jadual 1 – Ayat dan Keterangan

No.	Ayat	Keterangan
1	شجرة, الشجر, الشجرة, شجرها, شجرتها, شجر	Pokok
2	نباتا أنتب نبت	Pokok/ tumbuh/ tumbuh-tumbuhan
3	تزرعون الزرع الزراع زرع	Tanaman, penanam pokok, menanam
4	النوي, حبة, الحب	Biji/ benih
5	وأصلها ثابت	Akar
6	فرعها	Tangkai
7	ورقة	Daun
8	المسد	Pelepah
9	المحطب	Kayu bakar
10	تنتب بالدهن	Pokok yang menghasilkan minyak
11	وفاكهة, بفاكهة, فواكه, فاكهون, فاكين, فاكهة	Buah/ orang yang menikmati buah-buahan/ hasil tanaman
12	أثمر الثمرات ثمره ثمر	Buah/ berbuah/ hasil buah-buahan
13	طلح منضود عنب رمان نخل والتين والزيتون	Jenis buah-buahan
14	زنجبيلًا بقل فوم قث عدس بصل	Jenis sayur-sayuran

4. Peranan Haiwan Dan Tumbuh-Tumbuhan Dalam Kesejahteraan Umat Manusia

Tumbuh-tumbuhan adalah makhluk Allah s.w.t yang banyak memberi manfaat kepada manusia sebagai *food supplier* dan penyambung kehidupan makhluk hidup di muka bumi. Al-Quran sebagai rujukan kehidupan sudah tentu memberi perhatian yang signifikan kepada tumbuh-tumbuhan. Perhatian ini terserlah melalui pemberian nama kepada salah satu nama surahnya dengan nama tumbuh-tumbuhan iaitu surah al-Tin, selain daripada itu al-Quran juga menyebut beberapa jenis nama buah-buahan menerusi ayat-ayat al Quran seperti buah aggur (عنب) kurma(النخل), pisang (البلح), tin(التين) dan zaitun(الزيتون). Selain daripada itu al-Quran juga menyebutkan proses perkembangan tumbuh-tumbuhan dari biji benih sehinggalah menjadi tanaman yang menghasilkan buah. Penjelasannya boleh disusun bermula dari benih kemudian akar, lalu tumbuh menjadi pokok yang kukuh kemudian tangkai, daun dan akhirnya buah kemudian manusia dapat menuai dan menikmati hasilnya.

4.1 Peranan Tumbuh-Tumbuhan Dalam Al-Quran

Tumbuh-tumbuhan mempunyai peranan yang sangat penting bagi manusia, Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menyatakan tentang peranan tumbuh-tumbuhan sebagai pembekal makanan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya. Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu. (Al-Mu'minuun 23:18-19)

Ayat di atas jelas menyatakan bahawa tumbuh-tumbuhan adalah sumber rezeki dan penyambung kepada kehidupan. Selain dari itu tumbuh-tumbuhan juga sebagai pembekal tenaga. Firman Allah s.w.t. ayat 80 surah Yaasin yang bermaksud:

Iaitu Tuhan yang menjadikan untukmu api dari kayu yang hijau, maka tiba-tiba kamu nyalakan (api) dari kayu itu.

Dalam ayat ini, Allah s.w.t. menyatakan bahawa Dia menjadikan api dari tumbuh-tumbuhan hijau (syajar al-akhdar). Ahli tafsir seperti Ibn Kathir menyatakan apa yang dimaksudkan dengan “api” adalah bahan-bahan api. Bahan api sebenarnya terdiri dari bahan yang berasal dari tumbuh-tumbuhan. Tidak kira apa juga yang menyala apabila dibakar, ia berasal dari tumbuh-tumbuhan. Umpamanya arang batu, gas, petrol, kayu api, lilin bahkan plastik sekalipun

berasal dari tumbuh-tumbuhan hijau. Tumbuh-tumbuhan hijau sahajalah yang boleh menukar tenaga solar (matahari) kepada tenaga kimia. Secara mudahnya apabila tumbuh-tumbuhan tersebut mati dan tertimbus dengan tanah untuk jutaan tahun, lama kelamaan ia bertukar menjadi arang batu. Satu perkara penting dalam konteks sains yang dinyatakan dalam ayat ini ialah kenyataan tentang “penyalakan”. Perkataan akhir dalam ayat ini ialah “*Tuqiduum*”. Kamus bahasa Arab memberi maksud “Tuqidun” sebagai menyalakan. Para saintis mengetahui bahawa hanya tumbuh-tumbuhan hijau sahaja yang boleh menghasilkan sejenis gas yang diperlukan untuk pembakaran. Gas tersebut ialah oksigen. Tanpa oksigen apa juga jenis pembakaran pun tidak boleh berlaku.

Ini kaitannya dengan keperluan manusia terhadap oksigen dan pembakaran yang dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan hijau. Dalam hal yang lain, al-Quran mengajak untuk memberi perhatian terhadap tumbuh-tumbuhan sebagai penjana keindahan persekitaran, Kawasan yang dipenuhi dengan penghijauan menjadikan mata sejuk ketika memandang adalah sesuai bagi penempatan kerana didukung oleh suasana persekitaran yang dihiasi dengan kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhan sehingga mencipta keadaan yang selesa bagi kehidupan. Sebagai contoh ketika Allah s.w.t. memberitahu orang yang beriman tentang tempat dimana Nabi Isa a.s. dan ibunya Maryam tinggal, al-Quran telah memberikan tanda-tanda mengenai ciri-ciri tempat tersebut. Dalam firman Allah s.w.t. ayat 50 surah Al-Mu’minun yang bermaksud:

Dan telah Kami jadikan (Isa) putera Maryam beserta ibunya suatu bukti yang nyata bagi (kekuasaan Kami), dan Kami melindungi mereka di suatu tanah tinggi yang datar yang banyak terdapat padang-padang rumput dan sumber-sumber air bersih yang mengalir.

Setelah kelahiran Nabi Isa a.s. Maryam menetap bersamanya di sebuah daerah yang disebutkan dalam ayat sebagai daerah yang tinggi yang datar yang terdapat padang rumput dan sumber-sumber air bersih yang mengalir. Salah satu faedah tempat itu ialah terdapat sungai mengalir serta persekitaran yang subur.

4.2 Peranan Haiwan Dalam Kesejahteraan Umat Manusia

Selain dari tumbuh-tumbuhan yang memberi peranan yang sangat signifikan dalam kehidupan, Haiwan juga tidak dapat diremehkan kepentingannya kepada manusia kerana ianya juga sebagai *food supplier* atau membekalkan makanan dalam kehidupan ini, dan bahkan juga sebagai pembekal minuman dan pakaian seperti susu, kulit dan bulu untuk dijadikan sebagai pakaian serta keindahan. Firman Allah s.w.t yang bermaksud :

Dan binatang-binatang ternak itu, Ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memankan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. (Al-Nahl : 5)

Firman Allah s.w.t. pada ayat yang lain yang bermaksud :

Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya. (Al-Nahl : 66)

Dalam menghargai peranan haiwan dalam kehidupan Rasulullah saw memberi penekanan agar mengambil berat tentang penjagaan haiwan dan kesejahteraannya khasnya ketika melayan dan meperlakukan mereka agar peranan dan fungsinya dalam melestarikan umat manusia dapat berkesinambungan.

Rasulullah s.a.w. mengajar kita agar memberi hak yang layak kepada haiwan ketika memerlukan khidmat mereka seperti memberinya peluang untuk rehat pada perjalanan yang jauh, memberi makan yang secukupnya dan mengarahkan di jalan yang selesa bagi perjalanan yang jauh.

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Bukhary dan Muslim dari Abu Hurairah ra. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

Apabila kamu bepergian di tanah yang subur maka berilah kepada unta bahagiannya daripada tanah, apabila kamu bepergian di tempat yang tandus dan gersang maka segeralah beranjak meninggalkannya, dan apabila kamu beristerahat pada malam, maka janganlah kamu lakukan itu di jalanan, kerana ia adalah tempat binatang-binatang dan serangga di malam hari.

Selain daripada itu jika diperhatikan gaya penulisan Ulama fiqh dalam menyusun bab-bab dalam kitab-kitab feqh Islam akan jumpai perbincangan haiwan yang menarik seperti bab al-Taharah kita jumpai binatang-binatang yang bersih dan bernajis pada bab al-Najasa kita menjumpai perbincangan: bangkai, darah, daging babi, kencing, anjing, dan menyamak kulit binatang. Pada bab Zakat kita jumpai: zakat unta zakat lembu, zakat kambing dan binatang-binatang lain. Pada Bab Hajj kita jumpai bahasan kurban dan dam serta syarat-syarat binatang yang boleh dikurbankan dan

dijadikan sembelihan dam. Pada bab hudud, jinayat, bab makanan, bab binatang buruan, bab nafaqah al-hayawan dan lain-lain lagi.

5. Kesimpulan

Haiwan dan tumbuh-tumbuhan adalah makhluk penyumbang kepada kehidupan, ianya adalah sumber makanan yang tidak dapat dipisahkan dengan manusia, seandainya kedua jenis makhluk Allah s.w.t. ini terjejas maka dengan jelas akan memberi kesan buruk terhadap kelangsungan hidup umat manusia. Penyebutan jenis-jenis haiwan dan tumbuh-tumbuhan di dalam al-Quran adalah pertanda bahawa Allah s.w.t. mengambil berat kedua jenis makhluk Allah s.w.t. ini dan ianya merupakan petunjuk agar menghormati makhluk ciptaan Allah s.w.t. Dalam kaitannya dengan tumbuh-tumbuhan al-Quran dengan jelasnya menyebutkan bahawa ianya adalah rezeki bagi manusia yang membolehkan kita untuk terus hidup, dengan demikian upaya untuk memelihara dan memulihara tumbuh-tumbuhan adalah cara yang sangat sesuai untuk mempertahankan spesies manusia dari kemusnahan. Hadith Rasulullah s.a.w juga banyak memberi suntikan semangat dalam merangsang manusia untuk sentiasa mengambil berat isu-isu yang berkaitan dengan haiwan dan tumbuh-tumbuhan terutamanya dalam menilai mereka sebagai makhluk Allah s.w.t. yang patut untuk dihargai dan dihormati, apatah lagi ianya adalah makhluk yang sentiasa bertasbih dan memuji-muji kepada Allah s.w.t. dengan demikian memelihara mereka adalah bahagian daripada bentuk ibadah kepada Allah s.w.t.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Wahid Hamid (2001) *Islam The Natural Way*. Ter. Arif Rakhmat, Yogyakarta : Lazuardi

Abu Daud, Abu Daud Sulaiman Bin Al-Ash^{ath} Al-Sajastany Al-Azady (1999) *Sunan Abu Daud*, Jil. 4, Kaherah : Dar Al-Hadis

Abu Daud, Abu Daud Sulaiman Bin Al-Ash^{ath} Al-Sajastany Al-Azady (1999) *Sunan Abu Daud*, Jil. 3, Kaherah : Dar Al-Hadis

Al-Sayed Jamely (2000) *Al-I^{ca}jaz Al-^Cilmy Fi Al-Quran*, Beirut : Dar Wa Maktabah Al-Hilal

Al-Tabrany, *Majma^c al-Zawaid* 8/109

al-Tirmizy , Abu ^{ca}Isa Muhammad bin ^{ca}Isa bin Surah (1999) , *Sunan al-Tirmizy*, Jil. 3, Kaherah : Dar Al-Hadis

Bukhary, Sahih Al-Bukhary Fi Fath Al-Bary Bi Sharh Sahih Al-Bukhary (1996) *Kitab Al-Harth Wa Al-Muzara^{ca}ah, Bab Fadhl Al-Zar^c Wa Al-Gars Iza Ukila Minh*, Jil. 6. Kaherah : Dar Abu Hayyan

Mikdar Rusdi (2010) *Pemeliharaan dan Pemuliharaan alam sekitar menurut perspektif al-Quran*, Parit raja : Penerbit UTHM Johor

Muslim, *Sahih Muslim Bi Sharh Al-Nawawy Kitab Al-Masaqat*, Jil. 5. Kaherah : Dar Al-Fajr Li Al-Turath

Muslim, *Sahih Muslim Fi Sahih Muslim Bi Sharh Al-Nawawy*. Jil. 13 Beirut : Dar Al-Kutub Al-^CIlmiyah

Muslim, *Sahih Muslim*. Jil. 1. Bandung : Dahlan

Sayyid Qutub (1971) *Fi Zilal Al-Quran*, Jil. 18. Beirut : Dār Ihya al-Turath al-^{ca}Araby

Zaglul Raghil Muhammad Al-Najjar (2006) *Al-Hayawan Fi Al-Quran Al-Karim*, Beirut : Dar Al-Ma^carifah